

Tsunami politik pengundi Cina
Utusan Online
06 May, 2013

KUALA LUMPUR 5 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan kegagalan Barisan Nasional (BN) mendapat kemenangan dua pertiga dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 adalah disebabkan tsunami politik pengundi Cina yang dibuat berasaskan polarisasi kaum.

Perdana Menteri yang jelas kecewa dengan perkembangan tersebut berkata, keadaan sedemikian berlaku kerana pengundi Cina termakan dengan amalan politik ekstremis dan perkauman yang dipraktikkan pakatan pembangkang khususnya DAP.

Tegas beliau, jika amalan politik sedemikian tidak ditangani dengan segera, tidak mustahil akan berlaku pergaduhan di kalangan rakyat akibat sifat perkauman yang semakin melebar.

Sehubungan itu jelas Najib, kerajaan BN yang diberi mandat semula oleh rakyat akan mewujudkan satu mekanisme khas bagi memperkukuhkan perpaduan nasional berasaskan semangat wasatiyyah bagi memastikan keamanan yang dinikmati sejak 55 tahun dahulu dikekalkan.

Dalam masa sama, beliau turut berterima kasih kepada seluruh rakyat kerana terus yakin serta percaya kepada BN untuk memimpin negara dan dengan itu Perdana Menteri menegaskan semua aku janji parti berkenaan akan ditunaikan.

Keseluruhannya keputusan rakyat menunjukkan trend polarisasi pengundian. Ini membimbangkan kerajaan kerana kalau tidak tangani akan timbulkan perbalahan dalam negara. Kita sudah buat terbaik tetapi faktor berlaku kurang sokongan Cina. Ini tsunami pengundi Cina.

"Apa kita rancang tidak kesampaian. Namun kita tetap berpuas hati dapat negeri Kedah kepada BN. Saya tak sangka sampai begini keputusan, tetapi walaupun berlaku penolakan pengundi Cina kita tidak rebah," katanya kepada pemberita di bangunan Dato Onn di sini malam ini.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan pemimpin parti komponen BN.

Mengenai kekalahan beberapa pemimpin utama BN serta kegagalan parti itu merampas semula Selangor, Kelantan dan Pulau Pinang, Najib berkata tidak banyak yang boleh dilakukan kerana pengundi telah membuat tsunami politik dan kerusi terlibat pula ialah kawasan campuran.

Kepada soalan pembangkang berhasrat mahu melakukan bantahan, beliau berkata, sistem pilihan raya di negara ini telus dan semua pihak mesti menerima dengan hati terbuka kerana rakyat sudah membuat keputusan berasaskan amalan sistem demokrasi iaitu memilih BN.

Jika ada bukti salah boleh utarakan, kita ada mahkamah. Biar mahkamah putuskan. Saya berharap pembangkang terima keputusan ini dengan hati terbuka dan biarkan proses demokrasi berjalan lancar demi kepentingan negara.

Rakyat sudah memilih BN jadi kita benarkan kerajaan buat kerja kerana ada tugas besar menanti dan kita sudah pun tunjukkan kepada dunia pada hari ini bahawa Malaysia mempraktikkan amalan demokrasi secara matang," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130506/px_63/Tsunami-politik-pengundi-Cina#ixzz2Zng3L6Ux